

EKSPONCONVO'17 UMP DINANTI TAMPIL MERIAH



Kuantan, 16 November – Majlis Perasmian Ekspoconvo'17 bersempena dengan Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) ke-12 UMP disambut meriah warga kampus dan orang ramai yang membanjiri Dataran Canseleri UMP Kampus Gambang.

Bertemakan "We Come, We Celebrate, Expoconvo/17 melengkapkan majlis konvokesyen yang merupakan satu temasya tahunan bagi meraikan kejayaan para graduan dan keluarga mereka dengan pelbagai acara menarik yang dianjurkan khusus bagi memeriahkan Majlis konvokesyen UMP.

Hadir merasmikan acara kemuncak Ekspoconvo'17 adalah Ketua Pegawai Operasi petronas ICT Sdn. Bhd. Izwan Hasil Ibrahim yang juga Pemegang Amanah MyGift UMP dan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Ts. Dr. Daing Nasir Ibrahim.



Menurut Profesor Dato' Ts. Dr. Daing Nasir berkata, sebagaimana lazimnya, UMP terus memberi kepercayaan kepada warga mahasiswanya untuk mengelolakan pelaksanaan Expoconvo secara menyeluruh dengan diterajui oleh Majlis Perwakilan Pelajar.

"Kepercayaan ini adalah manifestasi komitmen berterusan pihak pengurusan untuk memastikan para mahasiswa UMP menerima pengalaman kampus yang terbaik sepanjang pengajian mereka di sini," katanya.

Tambah beliau, kebanyakan aktiviti sepanjang Expoconvo '17 tidak hanya mensasarkan warga UMP semata-mata, tetapi turut menggalakkan penyertaan awam dalam pelbagai aktiviti dan acaranya.

Malahan kesempatan yang terbuka sepanjang Expoconvo dan Majlis Konvokesyen Ke-12 ini turut membolehkan para pengunjung dari kalangan keluarga graduan dan orang awam untuk mengenali UMP dengan lebih dekat, khususnya keunikan Universiti ini dalam konteks program akademik dan pencapaian penyelidikan saintifiknya.

Kemuncak acara adalah gimik perasmian yang menampilkan robot gajah ELGiSteel yang dihasilkan dari barangan terpakai ciptaan enam mahasiswa UMP iaitu Chin Khai Ven (ketua), Keshendran A/L Vijayakumaran, Nor Atikah Mat Jusoh, Nurul Murniyati Mat Isa, Mohd Hazim Mohd Razali, Nur Farah Hanim Ahmad dan Wan Nur Izzati Suhaaniz Wan Jusoh.



Turut berlangsung pelancaran Larian MyGift Virtual yang merupakan aktiviti larian yang boleh dilakukan di mana-mana lokasi dan menyelesaikan jarak yang telah ditetapkan dengan menggunakan aplikasi berlari sebagai bukti dalam satu tempoh yang telah ditetapkan. Usaha ini adalah sebagai salah satu inisiatif dalam mengumpul dana Wakaf Kolej Kediaman Mawaddah untuk membantu mahasiswa anak yatim dan asnaf di universiti ini.

Pelbagai aktiviti menarik antaranya Pameran Mutiara Mahkota Tuanku Canselor, Program Spell It Right, Choral Speaking, Street Science @Gallery dan Pertandingan Memasak Masakan Pahang sebagai mempromosikan resepi tradisi di negeri ini. Manakala program hiburan dalam Acoustic Battle, Malam Santai & Zikrullah, Solo or Duo dan Konsert Milenia Expokonvo 17 yang menampilkan Wani Hasnita, Yabang Khalifa, Bell Ngasri dan Tajul Arif bakal memeriahkan acara.

Dalam membudayakan gaya hidup sihat turut diadakan Healthy Masterchef, eXpo Run, eXpo Zumba, eXpo Race The Amazing of Iron Man, Futsal Challenge dan Program Makan Buah-buahan bersama Alumni agar dapat memberi peluang graduan kembali semula untuk menikmati suasana kampus.



Lebih 1000 orang pengunjung yang terdiri daripada warga UMP dan masyarakat hadir menyaksikan pelbagai persembahan yang mewarnai majlis ntaranya persembahan pancaragam oleh Tentera Laut Diraja Malaysia, persembahan pentas oleh Kelab Pencak Silat, Melayu Modern, Twistet Tornadoes dan Chinese Diobolo.

Turut hadir dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pendaftar, Abd Hamid Majid, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Muhammad Amrun Aniq Mohamed Saidi dan Pengarah Eksekutif Expoconvo 2017, Nur Syafirah Roslee.

Dalam pada itu seramai 2845 graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal dirai dalam Majlis Konvokesyen UMP kali ke-12 yang dijadualkan berlangsung selama tiga hari mulai 18 hingga 20 November ini di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Kredit Gambar : Mustaqim (FSKPP) dan Aluwi (JPPH)

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 18-11-2017, 16:17:19